**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA**
**BIL. 1/2024**

---

**PERATURAN DAN GARIS PANDUAN PENGELUARAN BAHAN BATUAN DI PENTADBIRAN TANAH NEGERI MELAKA.**

---

Arahan ini dikeluarkan adalah berlujuan untuk menyelaras dan menyeragamkan peraturan dan garis panduan bagi mendapatkan permit pengeluaran bahan batuan di Pentadbiran Tanah di Negeri Melaka.

Peraturan dan garis panduan ini adalah berkaitan perkara-perkara seperti berikut:-

1. **Tafsiran Bahan Batuan**

2. **Prosedur Permohonan Permit Bahan Batuan**
    - 2.1 Format Kertas Rencana Permohonan
    - 2.2 Penyediaan Laporan Tanah dan Ulasan Teknikal
    - 2.3 Lesen Pendudukan Sementara Disatukan Seksyen 69 Kanun Tanah Negara (Akta 828)
    - 2.4 Permit Tanah Pertanian (Memproses dan Menyimpan bahan Batuan)

3. **Kuasa Meluluskan Permit**
    - 3.1 Perwakilan Kuasa
    - 3.2 Kelulusan Dasar Permit Melongkaui Tahun
    - 3.3 Permit Khas

4. **Bayaran Royalti, Ansuran Royalti, Wang Cagaran dan Buku Doket**
    - 4.1 Bayaran Royalti
    - 4.2 Ansuran Bayaran Royalti
    - 4.3 Lanjutan Tempoh Bayaran Royalti
    - 4.4 Wang Cagaran
    - 4.5 Kadar Buku Doket

5. **Pengurusan Permit Bahan Batuan**
    - 5.1 Tarikh Kuatkuasa Permit
    - 5.2 Tempoh Permit
    - 5.3 Jumlah Muatan Bahan Batuan

6. **Pengawalan Pengeluaran Bahan Batuan**

7. **Import/Eksport Bahan Batuan**
    - 7.1 Import Bahan Batuan Ke Dalam Negeri Melaka
    - 7.2 Eksport Bahan Batuan Ke Luar Negeri Melaka

8. **Pengecualian Permit**

9. **Ganti Tempoh Permit**

10. **Tuntutan Wang Cagaran**

11. **Pemulangan Bayaran Royalti**

12. **Dasar Permohonan Permit Pasir Biasa Sungai**

13. **Dasar Permohonan Permit Pasir Biasa Laut**

## 1. TAFSIRAN BAHAN BATUAN

*Seksyen 5 Kanun Tanah Negara [Akta 828]*

1.1 "Bahan Batuan" ertinya apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, loterit biasa, tanah gambur, tanah liat biasa, tanah lumpur, tanah rumput, gambur, karang, cengkerang dan apa-apa bahan-batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah, dan termasuk bahan-batuan yang diproses darinya, selain daripada bahan yang ditakrifkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perlombongan yang pada masa itu berkuat kuasa.

## 2. PROSEDUR PERMOHONAN PERMIT BAHAN BATUAN

### 2.1 FORMAT KERTAS RENCANA JAWATANKUASA PECAH SEMPADAN DAN BELAH BAHAGI (PERMIT BAHAN BATUAN)

2.1.1 Pemakaian format kertas rencana Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi (JKBB) yang akan digunakan oleh semua Pentadbir Tanah Daerah adalah seperti di **Lampiran.**

### 2.2 PENYEDIAAN LAPORAN TANAH DAN MENDAPATKAN ULASAN DARIPADA AGENSI TEKNIKAL BAGI PERMOHONAN PERMIT BAHAN BATUAN

2.2.1 Semua permohonan baharu untuk mendapatkan permit bahan batuan perlu disertakan dengan laporan tanah yang diserogamkan, ulasan teknikal daripada jabatan/agensi, pelan kejuruteraan/pelan kerja tanah oleh juru perunding bertauliah/Pihak Berkuasa Tempatan.

2.2.2 Ulasan teknikal jabatan/agensi dan ulasan YB ADUN Kawasan sah untuk tempoh satu (1) tahun untuk digunapakai.

2.2.3 Format laporan tanah yang akan digunapakai oleh pemohon adalah seperti di **Lampiran.**

2.2.4 Permohonan yang tidak lengkap perlu ditolak secara pentadbiran.

*Seksyen 69 Kanun Tanah Negara [Akta 828]*

### 2.3 LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA DAN PERMIT DISATUKAN, BAGI PERMOHONAN PERMIT PASIR SUNGAI, PASIR LAUT KAWASAN 3 BATU NAUTIKA PERAIRAN NEGERI MELAKA

2.3.1 Menguatkuasakan Lesen Pendudukan Sementara dan Permit yang disatukan di bawah Bab 3 selaras Seksyen 69 Kanun Tanah Negara [Akta 828] bagi pencabutan dan pemindahan apa-apa bahan batuan di atas Tanah Kerajaan (stockpile/pemprosesan/kolam cucian/pejabat/stor dan apa-apa binaan) melalui Borang 4B

*Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966 (Pindaan)(No.1) 2022*

2.3.2 Bayaran fi yang dikenakan adalah RM 2,000.00/setahun untuk setiap hektar atau sebahagian daripada hektar

### 2.4 PERMIT TANAH PERTANIAN BAGI MEMPROSES DAN MENYIMPAN BAHAN BATUAN.

2.4.1 Permohonan Permit Tanah Pertanian hendaklah dikenakan kepada mana-mana tanah milik yang mempunyai kategori dan syarat nyata tanah pertanian bagi kerja-kerja memproses atau menyimpan bahan batuan.

## 3. KUASA MELULUSKAN PERMIT

### 3.1 PERWAKILAN KUASA

*MMKN P 15 10A/4/2021 Bersidang 22/12/2021 Disahkan 05/01/2022 WKNM No. 133 24/05/2022*

3.1.1 **Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi Negeri Melaka (JKBB)** diberi kuasa untuk membuat keputusan mengenai permohonan permit bahan-batuan bagi jumlah **melebihi 10,000 meter padu**.

3.1.2 **Pengarah Tanah Dan Galian Melaka** diberikuasa untuk membuat keputusan mengenai permohonan permit bahan-batuan bagi jumlah **tidak melebihi 10,000 meter padu**.

3.1.3 **Pentadbir Tanah Daerah** diberikuasa untuk membuat keputusan mengenai permohonan permit bahan-batuan bagi jumlah **tidak melebihi 5,000 meter padu.**

### 3.2 KELULUSAN DASAR PERMIT MALANGKAUI TAHUN

3.2.1 **Kelulusan dasar** bagi setiap permohonan boleh diberikan melangkaui tahun **(maksimum 2 tahun)** bergantung kepada pertimbangan Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi Tanah Negeri Melaka (JKBB). Walaubagaimanapun, Pentadbir Tanah Daerah perlu **mengeluarkan Permit 4C/ 4CE berakhir pada tahun semasa**.

3.2.2 Pemegang permit (selain tanah biasa) bolehlah mengemukakan **permohonan pembaharuan permit tidak kurang daripada tiga (3) bulan dari tarikh tamat permit.**

3.3 PERMIT KHAS

3.3.1 <u>Batuan, batu, kelikir, pasir biasa, bahan-bahan yang diproses darinya dan bahan-bahan lain.</u>

3.3.1.1 **Pentadbir Tanah Daerah** diberi kuasa untuk membuat keputusan mengenai permohonan permit bahan-batuan bagi jumlah **tidak melebihi 5,000 meter padu/8,750 metrik tan.** Pemohon perlu mengemukakan permohonan melalui pemegang hak eksklusif permit bahan batuan **(selain tanah biasa)** tertakluk kepada **lima (5) kali kelulusan berturut-berturut.**

3.3.1.2 **Pengarah Negeri** diberi kuasa untuk membuat keputusan mengenai permohonan permit bahan-batuan bagi jumlah **5,001 meter padu/8,752 metrik tan hingga 10,000 meter padu/17,500 metrikk tan**. Pemohon perlu mengemukakan permohonan melalui pemegang hak eksklusif permit bahan batuan tertakluk kepada **lima (5) kali kelulusan berturut-berturut**.

3.3.1.3 **Kelulusan seterusnya** adalah di bawah bidang kuasa **Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi Tanah Negeri Melaka (JKBB)**.

3.3.2 <u>Tanah Biasa</u>

3.3.2.1 **Pentadbir Tanah Daerah** diberi kuasa untuk membuat keputusan mengenai permohonan permit bahan-batuan bagi jumlah **tidak melebihi 5,000 meter padu**. Pemohon boleh mengemukakan permohonan sendiri ke Pejabat Tanah Daerah berkenaan tertakluk kepada **lima (5) kali kelulusan berturut-berturut.**

3.3.2.2 Semua permohonan permit bahan batuan bagi jumlah **melebihi 5,000 meter padu** perlu melalui pemegang hak eksklusif permit bahan batuan.

**3.3.3** Permohonan bahan batuan **selain daripada yang diluluskan kepada pemegang hak eksklusif** boleh dikemukakan terus ke Pentadbir Tanah Daerah tertakluk kepada Kuasa Meluluskan Permit.

**3.3.4** Pentadbir Tanah Daerah tidak diberi kuasa untuk membuat Keputusan bagi permohonan yang telah ditolak oleh Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi Tanah Negeri Melaka (JKBB).

## 4. BAYARAN ROYALTI, ANSURAN ROYALTI, WANG CAGARAN DAN BUKU DOKET

### 4.1 BAYARAN ROYALTI

4.1.1 Bayaran royalti permit bahan batuan dan lain-lain bayaran yang diluluskan perlu dijelaskan dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah.

4.1.2 Bayaran royalti permit bahan batuan dan lain-lain bayaran hendaklah dijelaskan terlebih dahulu sebelum pengeluaran bahan batuan dilakukan.

4.1.3 Sekiranya tiada pembayaran dibuat dalam tempoh masa tersebut, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengeluarkan surat pembatalan bagi kelulusan permit bahan batuan itu.
***(PTG selaraskan format surat pembatalan kelulusan)***

### 4.2 ANSURAN BAYARAN ROYALTI

4.2.1 Sekiranya pembayaran secara ansuran dibenarkan kepada pemohon, maka pengeluaran bahan batuan hanya boleh dilaksanakan selepas pemohon **membuat bayaran sebanyak 25% daripada nilai royalti** jumlah bahan batuan yang hendak dikeluarkan sebagai bayaran ansuran pertama.

4.2.2 Bagi kuantiti **100,000 meter padu / 175,000 metrik tan**, ansuran dibenarkan **4 kali** dalam tempoh permit.

4.2.3 Bagi kuantiti **50,001 meter padu / 87,501 metrik tan hingga 99,999 meter padu/174,999 metrik tan** ansuran **dibenarkan 2 kali** dalam tempoh permit.

4.2.4 Bagi kuantiti **50,000 meter padu / 87,500 metrik tan** ke bawah **tidak dibenarkan** membayar secara ansuran.

4.2.5 Bayaran ansuran hendaklah dijelaskan secara berjadual mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Daerah dengan tidak melebihi 4 kali dan tidak melebihi dari tempoh tamat permit yang diluluskan.

4.2.6 Sebarang permohonan lanjutan tempoh masa pembayaran royalti atau permohonan pembayaran secara ansuran, perlu dimohon dalam tempoh seperti di para (4.1.1) tersebut.

4.2.7 Sekiranya tiada pembayaran dibuat dalam tempoh kelulusan ansuran, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengeluarkan surat pembatalan bagi kelulusan permit bahan batuan itu.

### 4.3 LANJUTAN TEMPOH BAYARAN ROYALTI DAN ANSURAN ROYALTI

4.3.1 Permohonan lanjutan tempoh masa pembayaran royalti atau permohonan pembayaran secara ansuran perlu dikemukakan selewat- lewatnya dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum tarikh tamat tempoh bayaran royalti. Pentadbir Tanah Daerah boleh memberikan kelulusan lanjutan sehingga tempoh enam puluh (60) hari dalam tahun semasa.

4.3.2 Setiap pembayaran ansuran bayaran royalti hendaklah direkodkan ke dalam fail permohonan.

### 4.4 DEPOSIT WANG CAGARAN JALAN

*Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966 (Pindaan)(No.1) 2022*

4.4.1 **Tanah Biasa bersamaan atau kurang 1,000 meter persegi**
10% daripada anggaran kos penyelenggaraan atau RM 500.00 yang mana lebih tinggi

4.4.2 **Tanah Biasa melebihi 1,000 meter persegi**
10% daripada anggaran kos penyelenggaraan atau budi bicara Pentadbir Tanah (minimum RM 1,000.00)

4.4.3 **Bahan batuan lain**
10% daripada anggaran kos penyelenggaraan atau budi bicara Pentadbir Tanah

### 4.5 KADAR BUKU DOKET

*MMKN BIL 19/2010 2A/19/2010 Bersidang 30/06/2010 Disahkan 07/07/2010*

4.5.1 Tanah Milik "Grant Free Hold" -RM100.00 (1 Buku)

4.5.2 Tanah Milik "Bukan Free Hold" -RM50.00 (1 Buku)

## 5. PENGURUSAN PERMIT BAHAN BATUAN

### 5.1 TARIKH KUATKUASA PERMIT BAHAN BATUAN

5.1.1 Tarikh kuatkuasa permit bahan batuan pada atau selewat-lewatnya satu (1) hari bekerja selepas tarikh bayaran royalti dan lain-lain bayaran oleh pemohon kepada Pentadbir Tanah Daerah tanpa mengambil kira tarikh penerimaan doket oleh pemohon.

5.1.2 Buku doket daripada Pentadbir Tanah Daerah perlu dikeluarkan dan diserahkan kepada pemohon sebaik sahaja bayaran royalti dan lain-lain bayaran dijelaskan.

**5.2 TEMPOH PERMIT**

5.2.1 Tempoh permit adalah tertakluk kepada jumlah meter padu atau metrik tan dan jenis bahan batuan yang hendak dikeluarkan.

i) **Batu atau bahan-bahan yang diproses darinya**
Bagi jumlah 8,750 metrik tan tempoh permit adalah tidak melebihi dua (2) bulan termasuk hari Ahad dan hari Kelepasan Am (Tertakluk kepada perakuan Pentadbir Tanah Daerah)

ii) **Pasir Biasa**
Bagi jumlah 8,750 metrik tan tempoh permit adalah tidak melebihi tiga (3) bulan termasuk hari Ahad dan hari Kelepasan Am (Tertakluk kepada perakuan Pentadbir Tanah Daerah)

iii) **Tanah Biasa**
Bagi jumlah 5,000 meter padu tempoh permit adalah tidak melebihi dua (2) bulan termasuk hari Ahad dan hari Kelepasan Am (Tertakluk kepada perakuan Pentadbir Tanah Daerah). Bagi jumlah 1,000 meter padu tempoh permit adalah tidak melebihi empat belas (14) hari tidak termasuk Hari Ahad dan Hari Kelepasan Am (Tertakluk kepada perakuan Pentadbir Tanah Daerah).

5.2.2 Sekiranya terdapat sebarang rayuan dari pemohon untuk penambahan hari, ianya hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah Daerah terlebih dahulu untuk mendapatkan kelulusan.

**5.3 JUMLAH MUATAN BAHAN BATUAN MENGIKUT LORI**

5.3.1 **Tanah Biasa/Tanah Liat Biasa/Laterit Biasa**
i) Lori enam tayar – 4 meter padu
ii) Lori sepuluh tayar -6 meter padu

5.3.2 **Pasir Biasa (Lombong/Sungai/Laut)**
i) Lori enam tayar – 7 metrik tan
ii) Lori sepuluh tayar – 10.5 metrik tan

5.3.3 **Batu atau bahan-bahan yang diproses darinya**
i) Lori sepuluh tayar – 12 metrik tan
ii) Lori dua belas tayar – 17 metrik tan

## 6. PENGAWALAN PENGELUARAN BAHAN BATUAN

6.1 Bagi mengawal pengeluaran bahan batuan, kaedah sistem kupon hendaklah digunakan seperti berikut:-

i) Setiap kupon hendaklah mempunyai nombor siri dan digunakan mengikut siri yang berturutan.

ii) Dicop dengan cop Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan.

iii) Di tandatangan ringkas oleh Pegawai yang berkaitan.

iv) Kupon tersebut hendaklah ditulis lengkap seperti ruang yang telah disediakan dengan menggunakan pen.

v) Kupon yang lengkap ditulis hendaklah diserahkan kepada pemandu lori bagi setiap perjalanan. (Satu helai kupon bagi satu perjalanan).

vi) Kupon tersebut hendaklah mencukupi dengan jumlah meter padu yang diluluskan.

6.2 Pengeluaran bahan batuan bermula jam 8.00 pagi hingga jam 6.00 petang setiap hari kecuali Hari Ahad dan Hari Kelepasan Am. Jika pengeluaran dilakukan di luar waktu dan hari yang ditetapkan perlu mendapat kebenaran bertulis dari Pentadbir Tanah Daerah. Pentadbir Tanah Daerah juga berhak untuk menetapkan hari atau waktu operasi pengeluaran bahan batuan atas sebab-sebab yang difikirkan perlu.

6.3 Pemegang permit atau pengusaha dikehendaki menyediakan dan menyimpan rekod atau penyata pengeluaran bahan batuan yang telah dikeluarkan untuk siasatan oleh Pegawai yang diberikuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri. Penyata pengeluaran tersebut juga hendaklah dikemukakan bersama helaian kupon (warna merah) ke Pentadbir Tanah Daerah pada setiap bulan (bagi tempoh permit yang melebihi satu (1) bulan) untuk tujuan mengawal pengeluaran yang diluluskan.

6.4 Penyata pengeluaran bahan batuan tersebut juga hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah ketika memohon pembaharuan permit. Sekiranya didapati pengeluaran bahan batuan yang telah dikeluarkan adalah berlebihan dari jumlah kuantiti yang telah diluluskan, bayaran royalti kuantiti yang berlebihan tersebut hendaklah dituntut terlebih dahulu sebelum permit baru dikeluarkan.

6.5 Pemegang permit juga dikehendaki mengemukakan penyata pengeluaran, ketika membuat permohonan mengeluarkan wang cagaran. Sekiranya pengeluaran yang dilakukan adalah berlebihan dari jumlah yang diluluskan, bayaran royalti berlebihan tersebut hendaklah dituntut atau wang cagaran dirampas.

6.6 Pentadbir Tanah Daerah boleh meluluskan permohonan bagi menambah kuantiti bahan batuan semasa tempoh permit masih berkuatkuasa dengan menuntut bayaran tambahan bagi penambahan kuantiti bersama bayaran buku kupon.

6.7 Larangan pengeluaran bahan batuan di dalam tempoh perayaan adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri.

## 7. IMPORT/EKSPORT BAHAN BATUAN

### 7.1 IMPORT BAHAN BATUAN KE DALAM NEGERI MELAKA

7.1.1 Bahan batuan yang telah diletakkan di tapak (Bagi Tujuan Stockpile Sahaja) yang mempunyai kelulusan yang sah dari luar Negeri Melaka hendaklah mendapatkan doket pemindahan dan mengalih bahan batuan. Kuasa kelulusan adalah di bawah Pentadbir Tanah Daerah. Kadar bayaran fi permohonan adalah merujuk kepada Koedah-Kaedah Tanah Melaka.

7.1.2 Permohonan permit bahan batuan dari tapak (Bagi Tujuan Stockpile Sahaja) hendaklah dikemukakan terus kepada Pentadbir Tanah Daerah.

7.1.3 Bahan batuan yang diimport dari luar Negeri Melaka bagi tujuan lain (proses/mencuci) perlulah diangkat ke pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi Tanah Negeri Melaka (JKBB).

### 7.2 EKSPORT BAHAN BATUAN KE LUAR NEGERI MELAKA

*MMKN 28A/18/2015 Bersidang 17/06/2015 Disahkan 24/06/2015*

7.2.1 Pengusaha bahan-batuan (batu atau bahan-bahan yang diproses darinya) dibenarkan untuk menghantar/menjual bahan-batuan tersebut ke luar dari Negeri Melaka.

7.2.2 Pengusaha bahan-batuan (pasir biasa, tanah biasa, tanah rumput) perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi Tanah Negeri Melaka (JKBB) sekiranya hendak menghantar/menjual bahan batuan tersebut ke luar Negeri Melaka. Walaubagaimanapun, pengusaha tidak dibenarkan sama sekali mengeksport bahan-batuan tersebut ke luar negara.

7.2.3 Sekiranya terdapat sebarang rayuan dari pengusaha atau pemegang permit mengenai kelulusan berkenaan, ianya hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada pihak yang meluluskan permit tersebut.

## 8. PENGECUALIAN PERMIT

8.1 Bagi projek-projek kecil luar bandar seperti membina jalan kampung, membina tapak surau, padang permainan, tapak bolairaya dan lain-lain projek Pembangunan di bawah peruntukan Pejabat Daerah, bayaran royalti dikecualikan dengan kebenaran bertulis dari Pentadbir Tanah Daerah.

8.2 Pengecualian juga diberikan kepada mana-mana projek yang dirasakan memberi manfaat kepada penduduk setempat dan tidak menguntungkan mana-mana pihak atau projek di bawah tanggungjawab sosial korporat seperti pemaju ingin membawa tanah bagi menambak cerun yang runtuh di taman akibat hujan lebat. Namun permohonan bagi pengecualian bayaran royalti ini perlulah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah dengan dikenakan bayaran **fi minimum sebanyak RM 20.00**. Maklumat yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:-

**(Cadangan tambahan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966)**

- i) Nama projek.
- ii) Nama pengusaha.
- iii) Tempat dikeluarkan bahan batuan dan tempat digunakan.
- iv) Jumlah bahan batuan yang dibenarkan.
- v) Tempoh kerja-kerja tersebut dijalankan.
- vi) Nombor lori dan jentera yang digunakan.

8.3 Tiada doket diperlukan bagi permohonan ini, pemohon perlu mengemukakan surat kelulusan daripada Pentadbir Tanah Daerah.

8.4 Pengeluaran bahan batuan tanah pegangan bebas **"Free Hold"** *(Hakmilik yang didaftarkan sebelum tahun 1936 yang mempunyai **"Condition A"** dan **"Condition B" Seksyen 45 (2) dan (3) National Land Code (Penang and Malacca Titles Act 1963)*** tiada bayaran royalti dikenakan. Bagi tujuan pengawalan, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan dan menjelaskan bayaran fi permohonan dan bayaran buku doket mengikut tahun semasa. Doket tersebut digunakan sehelai bagi sebuah lori dalam tempoh satu (1) hari sahaja. Kelulusan adalah di bawah bidang kuasa Pentadbir Tanah Daerah.

*National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act 1963*

8.5 Pemindahan bahan batuan dari stockpile (gudang) perlu mengemukakan resit jualan/belian.

8.6 Pemindahan bahan batuan dari tapak stockpile (selain gudang) perlu tertakluk kepada doket yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah.

8.7 Pengecualian bayaran royalti ke atas pengeluaran bahan batuan (tanah biasa) dari lot-lot yang bersempadan antara satu sama lain dan dipunyai oleh tuan tanah yang sama untuk tujuan"cut and fill" (memotong, menambak dan meratakan tanah) di dalam kawasan tapak-tapak pertanian, perumahan, perniagaan dan perindustrian di dalam Negeri

Melaka dengan mengemukakan sama ada surat kelulusan permohonan pembangunan atau Pelan Kelulusan Kerja Tanah, Pelan Jalan & Parit atau Pelan Kelulusan Pembangunan daripada Pihak Berkuasa Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan.

Lebihan bahan batuan hasil daripada kerja- kerja "cut and fill" (memotong, menambak dan meratakan tanah) boleh dikumpulkan untuk dijadikan "stockpile" di atas satu (1) lot bagi tujuan jualan di dalam kawasan tapak pembangunan yang diluluskan sahaja.

## 9. GANTIAN TEMPOH PERMIT

9.1 Bagi sebarang tempoh gantian permit bahan batuan boleh dipertimbangkan oleh Pentadbir Tanah Daerah dengan alasan hujan dan lain-lain sebab yang difikirkan munasabah dalam tempoh tahun semasa sahaja.

9.2 Permohonan hari ganti perlu di mohon selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari selepas permit tamat.

9.3 Tempoh sah hari ganti adalah dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh permit semasa tamat.

## 10. TUNTUTAN WANG CAGARAN

10.1 Setiap permohonan tuntutan pemulangan wang cagaran hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari selepas tamat tempoh permit.

10.2 Sekiranya tiada tuntutan wang cagaran dikemukakan selepas tempoh tersebut, wang cagaran akan diwartakan sebagai wang deposit yang tidak dituntut dan seterusnya tertakluk kepada peruntukan Arahan Perbendaharaan 162.

10.3 Dokumen tuntutan wang cagaran adalah seperti berikut :-

i) Borang Permohonan Wang Cagaran (selaraskan)
ii) Borang / Permit 4C
iii) Resit Asal (Salinan pembayar)
iv) Salinan Kad Pengenalan Pemohon/Sijil Pendaftaran Syarikat
v) Salinan Penyata Bank Terkini
vi) Penyata Pengeluaran Bahan Batuan
vii) Buku Doket Pengeluaran

10.4 Akuan sumpah hendaklah dikemukakan sekiranya kehilangan / rosak dokumen-dokumen berikut:

i) Borang/ Permit 4C

ii) Resit Asal
iii) Penyata Pengeluaran Bahan Batuan
iv) Buku Doket Pengeluaran

10.5 Semua permohonan tuntutan wang cagaran hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.

10.6 Kuasa melulus tuntutan wang cagaran adalah di bawah Pentadbir Tanah Daerah.

10.7 Wang cagaran boleh dirampas oleh Pentadbir Tanah Daerah sekiranya tidak mematuhi syarat-syarat Pengeluaran Bahan Batuan dan Syarat-syarat penggunaan kupon (Doket Pengeluaran).

## 11. PEMULANGAN BAYARAN ROYALTI

11.1 Permohonan pemulangan bayaran royalti boleh dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah sekiranya kuantiti pengeluaran bahan batuan tidak dapat dipenuhi atas sebab-sebab yang munasabah.

11.2 Kelulusan pemulangan bayaran royalti adalah di bawah bidang kuasa pelulus dengan pemulangan maksimum sebanyak 50% daripada baki kuantiti pengeluaran bahan batuan.

11.3 Permohonan rayuan pemulangan bayaran royalti perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Beloh Bahagi Tanah Negeri Melaka (JKBB).

## 12. DASAR PERMOHONAN PERMIT PASIR BIASA (PASIR SUNGAI)

12.1 Semua permohonan permit bahan batuan pasir biasa (pasir sungai) di sepanjang lembangan sungai yang merupakan kawasan kerap berlaku banjir perlu diteliti kaedah pengeluaran pasir biasa (pasir sungai) untuk mengelakkan kejadian banjir.

*JKBB Bil 1/2022 Bersidang 19/01/2022*

12.2 Pemohon perlu mengemukakan ulasan jabatan teknikal yang terkini. Ulasan teknikal sah untuk tempoh tiga (3) bulan dari tempoh permohonan.

12.3 Semua permohonan permit bahan batuan perlu disertakan maklumat pengusaha yang menjalankan kerja-kerja pengeluaran bahan batuan.

*JKBB Bil 8/2021 Bersidang 01/10/2021*

12.4 Semua permohonan untuk mendapatkan permit mengeluarkan bahan batuan di sepanjang jajaran lembangan Sungai Sempadan Negeri Melaka ditolak secara pentadbiran oleh Pentadbir Tanah Daerah.

## 13. DASAR PERMOHONAN PERMIT PASIR BIASA (PASIR LAUT)

*MMKN P 15 53A/1/2023 Bersidang 04/01/2023 Disahkan 18/01/2023*

13.1 Pemohon perlu menyatakan dengan jelas tujuan penggunaan pasir biasa (pasir laut) bagi permit yang dipohon di dalam setiap permohonan

13.2 Bagi tambakan laut dibenarkan dengan mematuhi semua syarat dan ulasan daripada Jabatan/Agensi Teknikal.

13.3 Untuk tujuan sektor pembinaan, pemohon perlu menjalankan analisis makmal ke atas sampel pasir bagi mengenal pasti peratus kandungan bahan organic, sulfat (SO3), klorida (Cl) dan lain-lain bahan serta keasidan (pH) seterusnya menjalankan beberapa ujian samada memenuhi spesifikasi kegunaan pasir tersebut. Analisis makmal dan ujian tertentu ini adalah tertakluk kepada syarat dan keperluan setiap Jabatan/Agensi Teknikal. Laporan analisis hendaklah dikemukakan semasa permohonan.

13.4 Untuk tujuan sektor pengilangan dan ekonomi yang lain, adalah dibenarkan dengan mematuhi semua syarat dan ulasan Jabatan/Agensi Teknikal.

13.5 Bagi pemindahan/pengangkutan stockpile, pemohon akan dikenakan doket bagi setiap pemindahan dan pengangkutan stockpile dari tapak hingga ke tempat bahan batuan pasir biasa (pasir laut) tersebut akan dijual atau dihantar bagi pemantauan dan kawalan permit bahan batuan oleh pentadbiran tanah.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**
**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah

Pengarah Tanah dan Galian
Melaka
28 Jun 2024

Lampiran A

| Bil | Perkara | Arahan Pengarah Bil 1/99 | Cadangan | Lain-lain |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **Tafsiran Bahan Batuan** | Tiada | "Bahan Batuan" ertinya apa-apa batuan, **batu**, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit biasa, tanah gembur, tanah liat biasa, tanah lumpur, tanah rumput, gambur, karang, cengkerang, dan apa-apa **bahan batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah, dan termasuk bahan-bahan yang diproses darinya,** selain daripada bahan yang ditakrifkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perlombongan yang pada masa itu berkuat kuasa; | Pekeliling JKPTG Bil. 3/2009 Perkataan "Granite" digugurkan |
| 2. | **Prosedur Permohonan Permit Bahan Batuan** | Tiada | 1. Format Kertas Rencana Permohonan<br>2. Penyediaan Laporan Tanah dan Ulasan Teknikal oleh pemohon<br>3. Lesen Pendudukan Sementara dan Permit Disatukan di bawah Seksyen 69 Kanun Tanah Negara (Akta 828) – Tanah Kerajaan<br>4. Permit Tanah Pertanian (Memproses dan Menyimpan Bahan Batuan) – Bagi Kategori tanah pertanian | Tempoh sah ulasan teknikal 1 tahun |
| 3. | **Kuasa Meluluskan Permit** | 1. Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi (JKBB) melebihi 5,000 meter padu.<br>2. Pengarah Tanah dan Galian (PTG), Melaka tidak melebihi 5,000 meter padu.<br>3. Pentadbir Tanah Daerah (PTD) tidak melebihi 1,000 meter padu. | **Perwakilan Kuasa**<br>1. JKBB melebihi 10,000 meter padu.<br>2. PTG tidak melebihi 10,000 meter padu.<br>3. PTD tidak melebihi 5,000 meter padu. | |

| Bil | Perkara | Arahan Pengarah Bil 1/99 | Cadangan | Lain-lain |
|---|---|---|---|---|
| | | Tiada | **Kelulusan Dasar Permit Melangkaui Tahun**<br>1. Kelulusan dasar (Maksimum 2 tahun)<br>2. PTD mengeluarkan permit berakhir tahun semasa.<br>3. Permohonan pembaharuan permit tidak kurang dari 3 bulan tarikh tamat permit. | |
| | | Tiada | **Permit Khas**<br>1. PTD - tidak melebihi 5,000 meter padu/8,750 metrik tan tertakluk lima (5) kali kelulusan berturut turut.<br><br>2. PTG- dari 5,001 meter padu/8,752 metrik tan hingga 10,000 meter padu/17,500 metrik tan tertakluk kepada lima (5) kali kelulusan berturut-berturut.<br><br>3. Kelulusan seterusnya JKBB.<br><br>4. PTD - tidak melebihi 5,000 meter padu, dengan mengemukakan permohonan ke Pejabat Tanah Daerah berkenaan.<br><br>[Kelulusan MMKN P.15 10A/4/2021 yang bersidang pada 22 Disember 2021 dan disahkan pada 5 Januari 2022 melalui Warta Kerajaan Negeri No.133 bertarikh 24 Mac 2022]<br><br>5. Selain daripada yang diluluskan kepada pemegang hak eksklusif permohonan terus ke Pentadbir Tanah Daerah.<br><br>6. Pentadbir Tanah Daerah tidak diberi kuasa untuk membuat keputusan bagi permohonan yang telah ditolak JKBB | (Batuan, batu, kelikir, pasir biasa, bahan-bahan yang diproses darinya dan bahan batuan lain) permohonan melalui pemegang hak eksklusif<br><br>(Tanah Biasa) |
| 4. | **Bayaran Royalti, Ansuran Royalti, Wang Cagaran dan Buku Doket** | **Bayaran Royalti**<br><br>1. Bayaran royalti perlu bayar sebelum pengeluaran bahan batuan dilakukan.<br><br>2. Tiada bayaran royalti secara ansuran atau berperingkat | **Bayaran Royalti**<br><br>1. Bayaran royalti perlu dijelaskan dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh terima surat kelulusan oleh Pentadbir Tanah Daerah.<br><br>2. Bayaran royalti permit bahan batuan dan lain-lain bayaran dijelaskan terlebih dahulu sebelum pengeluaran bahan batuan dilakukan. | |

| Bil | Perkara | Arahan Pengarah Bil 1/99 | Cadangan | Lain-lain |
|---|---|---|---|---|
| | | 3. Bayaran deposit tidak kurang 20% dari nilai royalti | 3. PTD boleh membatalkan kelulusan sekiranya tiada pembayaran dibuat dalam tempoh masa tersebut. | |
| | | **Ansuran Bayaran Royalti**<br><br>Tiada bayaran royalti secara ansuran atau berperingkat yang dibenarkan. | **Ansuran Bayaran Royalti**<br><br>1. Membuat bayaran sebanyak 25% daripada nilai royalti – ansuran pertama<br>2. 100,000 meter padu / 175,000 metrik tan, ansuran dibenarkan 4 kali.<br>3. 50,001 meter padu / 87,501 metrik tan hingga 99,999 meter padu/174,999 metrik tan ansuran dibenarkan 2 kali.<br>4. 50,000 meter padu / 87,500 metrik tan ke bawah tidak dibenarkan membayar secara ansuran | - Bayaran ansuran perlu secara berjadual ditetapkan (tidak lebih 4 kali) dan tidak melebihi tempoh kelulusan permit<br>- Kelulusan terbatal jika tidak menjelaskan ansuran |
